

18 DEC 1972
KOTA SETAR, Ku-

Amaat. — Bekas ahli Parlimen bagi kawasan Kota Setar Selatan, Dr. Mahathir bin Mohamed, dilaporkan menjadi pilihan utama UMNO Kedah bagi menggantikan Allahyarham Senator Hanipah S. Allaudin dalam Dewan Negara.

Adalah difahamkan bahawa Dr. Mahathir menjadi calon yang disukai ramai oleh sepuluh bahagian UMNO dalam negeri Kedah.

Dr. Mahathir, juga seorang ahli jawatankuasa perhubungan UMNO Kedah, baru-baru ini dilantik menjadi pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Kedah, jawatan yang dipegang oleh Senator Hanipah dahulu.

Pencalunan Dr. Mahathir sebagai senator mistilah terlebih dahulu mendapat persetujuan Jawatankuasa Perhubungan UMNO Kedah yang akan bermesyuarat minggu depan bagi membincangkan perkara ini.